

NOTIS PEMBERITAHUAN



PARLIMEN MALAYSIA

MAKLUMAN KERJA-KERJA MENAIK TARAF SERTA MEMBAIK PULIH FASILITI PARLIMEN MALAYSIA

Adalah dimaklumkan bahawa Parlimen Malaysia kini sedang melaksanakan kerja-kerja menaik taraf serta membaik pulih fasiliti di Kompleks Parlimen Malaysia secara berfasa bermula 1 Disember 2023 – 31 Disember 2024.

Kerja-kerja menaik taraf serta membaik pulih ini melibatkan Galeri Awam Parlimen Malaysia, laluan pejalan kaki berbumbung, pemasangan pagar dan sistem keselamatan serta kerja-kerja membaik pulih jalan sedia ada (*Resurface*) dan pembinaan jalan baharu untuk pelawat.

Sehubungan itu, lencongan jalan dan penyuraian trafik akan dilaksanakan sepanjang tempoh kerja-kerja ini berlangsung bagi mengelakkan kesesakan trafik di dalam Kompleks Parlimen Malaysia. Pelaksanaan ini adalah untuk memastikan keselamatan dan keselesaan Ahli-ahli Parlimen, petugas serta pelawat yang berada di dalam Kompleks Parlimen Malaysia sentiasa terjaga.

Sehubungan itu, Pentadbiran Parlimen Malaysia juga akan menghadkan jumlah kehadiran pelawat awam ke Parlimen Malaysia khususnya sewaktu Sidang Parlimen berlangsung. Sebarang maklumat maklumat, sila hubungi Bahagian Komunikasi Korporat di talian 03-2603 6809.

Disediakan oleh,
Bahagian Komunikasi Korporat
Parlimen Malaysia